

02/12/1999

Ali Rustam angkat sumpah KM Melaka hari ini

MELAKA, Rabu - Bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, akan mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka kesembilan di Istana Melaka di Bukit Beruang, di sini pagi esok.

Mohd Ali, 50, yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumpit pada pilihan raya lalu, akan mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin pada jam 8.45 pagi.

Sumber-sumber Bahagian Protokol di Pejabat Ketua Menteri berkata, pihaknya bermesyuarat pagi ini untuk membuat persiapan bagi upacara itu.

Mohd Ali menggantikan Datuk Seri Abu Zahar Isnin, yang bertanding di kerusi Parlimen Jasin, pada pilihan raya Isnin lalu.

Beliau dilahirkan di Kampung Bukit Katil, Melaka pada 24 Ogos 1949 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Katil serta SK Semabok sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Tinggi Melaka.

Beliau juga mengikuti pengajian luar kampus di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang sehingga memperoleh Ijazah Pembangunan Ekonomi.

Sebelum menceburi bidang politik, beliau pernah bertugas dengan Tenaga Nasional Berhad; menjadi Timbalan Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Kedah; Pengarah Kemas Perlis; Pengarah Kemas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pengarah Kemas Melaka.

Selain itu, beliau juga pernah menjadi Setiausaha Khas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sebelum bertanding di DUN Ayer Molek, pada 1986.

Selepas memenangi pilihan raya itu, Mohd Ali dilantik Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Kerajaan Tempatan; Timbalan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka serta Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna negeri.

Pada pilihan raya umum 1990, Mohd Ali bertanding di DUN Sungai Udang dan kemudian dilantik Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Sains dan Teknologi negeri dan semasa pilihan raya 1995 pula, beliau bertanding untuk Parlimen Batu Berendam.

Mohd Ali yang sudah berumah tangga dengan Datin Asmah Abdul Rahman serta mempunyai tiga cahaya mata, ialah Timbalan Menteri Pengangkutan sebelum menyandang jawatan sekarang.

Di IPOH, pembentukan kerajaan negeri yang baru bagi penggal ini dijangka diumumkan esok atau selewat-lewatnya Jumaat ini.

Jurucakap Pejabat Menteri Besar ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah mengatitkan program bagi membolehkan bakal menteri besar menghadap Sultan Perak, Sultan Azlan Shah untuk mendapat perkenan.

Difahamkan pihak berkenaan masih menunggu pelantikan Menteri Besar yang dijangka diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh terdekat ini.

Pelantikan Menteri Besar yang baru itu berikutan penyandangannya, Tan Sri Ramli Ngah Talib berpindah ke kerusi Parlimen Pasir Salak pada pilihan raya umum kali ini.

Calon yang dikatakan paling layak menyandang jawatan itu ialah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, yang bertanding dan menang di kerusi DUN Kenering.

(END)